



“SAMPAIKAH PAHALA KORBANKU”.1

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعْبَرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿١٢﴾	2
	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.	3
	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	4
	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	5
	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	6
	<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus bertaqwa kepada Allah dengan menjunjung segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan itu kita semua diterima sebagai hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	7
	<p>Dalam kesempatan yang sangat berharga ini marilah kita menambah ilmu dan penghayatan dengan meneliti khutbah hari ini yang bertajuk “SAMPAIKAH PAHALA KORBANKU?”.</p>	8
	<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Tidak berapa hari lagi, sekali lagi umat Islam berpeluang memperolehi redha Allah melalui syiar agama-Nya yang agung iaitu melaksanakan ibadah korban. Orang-orang yang beriman pastinya teruja dengan fadhilat dan kelebihan yang sangat berharga dijanjikan Allah melalui lisan Nabi-Nya Muhammad SAW seperti dalam sabda baginda yang diriwayatkan oleh Aishah R.Anha:</p>	9
	<p>مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ النَّحْرِ عَمَلًا أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، مِنْ هِرَاقَةِ دَمٍ، وَإِنَّهُ لِيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَضْلَافِهَا وَأَشْعَارِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا</p>	10

<p><i>“Tiada amalan anak Adam yang sangat Allah hargai pada hari Raya Korban selain dari menumpahkan darah melalui sembelihan Korban. Sesungguhnya binatang-binatang itu akan didatangkan pada hari qiamat lengkap dengan</i></p>	11
<p style="text-align: center;"><i>tanduk, bulu dan kukunya, dan sesungguhnya darahnya akan diletakkan oleh Allah SWT di tempat yang mulia sebelum ia menitis ke atas bumi. Oleh itu ikhlaskanlah niat anda melakukannya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ibn Majah).</i></p>	12
<p>Terdapat banyak lagi hadis-hadis yang menggalakkan dan menjelaskan betapa besarnya pahala ibadah tersebut. Antara lain hadis yang dikeluarkan oleh al-Hakim melalui sanadnya dari ‘Imran ibn Husain R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p><i>“Wahai Fatimah!. Pergilah kamu menyaksikan korbanmu, sesungguhnya dosa-dosamu akan diampunkan sejak titisan pertama darah yang mengalir darinya, dan sebutlah sesudah itu:</i></p>	13
<p style="text-align: center;"><i>إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ</i></p>	14
<p><i>Imran bin Husain R.Anhu bertanya kpd Rasulullah: Adakah kelebihan ini khusus untuk tuan dan ahli keluarga tuan sahaja ? Baginda menjawab: Bahkan tidak, ia sesungguhnya untuk semua umat Islam”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Hakim).</i></p>	15
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Untuk memastikan kita dapat menghayati ibadah korban ini dengan penuh keyakinan marilah kita mengetahui terlebih dahulu apakah asas-asas syarak yang berkaitan dengan arahan melaksanakan ibadah tersebut, antara lain:</p> <p>Pertama: Firman Allah dalam surah al Kauthar ayat 2:</p> <p style="text-align: center;"><i>فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ</i></p> <p><i>“...maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu dan lakukanlah sembelihan korban”.</i></p>	16
<p>Kedua: Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Al-Barra’ R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali kita lakukan pada hari Raya korban ini ialah mendirikan solat iduladha, kemudian kita balik lalu kita menyembelih korban. Sesiapa yang melakukannya seperti itu maka ia telah menepati sunnah</i></p>	17

<p><i>tetapi sesiapa yang menyembelih sebelum solat maka itu hanyalah sembelihan untuk keluarganya dan bukan dikira sebagai nusuk (korban)”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Bukhari).</i></p>	18
<p>Ketiga : Ijmak Ulama’.</p> <p>Ibn Qudamah dalam kitab al Mughni Jilid 11 muka surat 95 menyatakan bahawa ibadah korban juga disyariatkan dlm Islam melalui ijmak Ulama’ selepas dari Quran dan Hadis.</p>	19
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Tidak syak lagi bahawa ibadah korban telah disyariatkan oleh Allah kepada umat Muhammad ini melalui sumber-sumber yang disebutkan tadi. Ibn saad telah menjelaskan dlm kitabnya At-Tabaqat bahawa solat Idulfitri dan solat Iduladha, zakat fitrah dan ibadah korban mula disyariatkan pada tahun kedua Hijri atau kira-kira lapan belas bulan sesudah Nabi berhijrah ke Madinah.</p>	20
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Melakukan ibadah korban adalah Sunat Muakkad atau sunat yang sangat dituntut, ini adalah pandangan jumbuh atau meajoriti ulama termasuk mazhab Syafie yang menjadi pegangan kita di negeri Selangor. Pendapat ini bersandarkan kepada perbuatan Abu Bakar dan Umar R.Anhuma yang pernah tidak turut serta dalam melakukan ibadah korban agar tidak dianggap bahawa korban itu wajib.</p> <p>Namun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan ianya wajib, ini adalah pandangan imam Al-Auzaie dan Al-Laith, serta mazhab Hanafi dan satu riwayat Al-Imam Ahmad ibn Hambal. Mereka berpegang kepada amaran Rasulullah SAW kepada orang yang berkemampuan tetapi tidak melakukan korban agar jangan menghampiri masjid Nabawi. Riwayat ini dikeluarkan oleh Ibn Majah melalui sanadnya Abu Hurairah R.Anhu.</p>	21
<p>Hadirin sidang jumaat yang dirahmati Allah:</p> <p>Berikut adalah beberapa soalan lazim yang berkaitan dengan ibadah korban:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bolehkah peserta korban memakan daging korban yang ia sertai? <p>Jawapannya , boleh kecuali jika korban itu diniatkan nazar.</p> <ol style="list-style-type: none">2. Bolehkah daging korban atau mana-man bahagian binatang korban diberikan kepada tukang sembelih atau petugas-petugas sebagai upah atau ganjaran kepada khidmat mereka? <p>Jawapannya, tidak boleh, jika disyaratkan sebagai upah atau ganjaran, maka ia akan menyebabkan korban itu menjadi tidak sah.</p>	22

<p>3. Bagaimanakah cara daging itu diagihkan?</p> <p>Jawapannya: Afdhal daging korban itu dibahagikan kepada tiga bahagian; satu bahagian diambil oleh peserta dan keluarganya untuk dimakan, satu bahagian lagi disedekahkan kepada fakir miskin dan bakinya dihadiahkan kepada jiran-jiran tanpa melihat kepada tarafnya miskin atau kaya seseorang itu.</p>	
<p>4. Bolehkah daging korban itu disimpan lebih tiga hari?</p> <p>Jawapannya boleh, walau beberapa lama sekali pun.</p> <p>5. Bolehkah membuat korban untuk orang yang telah meninggal dunia?</p> <p>Jawapannya: boleh, mudah-mudahan pahalanya sampai kepada si mati. Menurut pendapat Imam Al-Nawawi dalam kitab Majmuk Syarah muhazzab Jilid 8 mengambil kira pandangan Al-Abadi yang mengatakan sah dan sampai pahalanya kepada si mati walau tanpa wasiat. As Sheikh Daud Al-Fatani pula dalam kitab Furu' Masail menukil perkataan As Sheikh Qattan yang mengatakan sah korban untuk orang yang telah meninggal dunia walaupun tanpa wasiat.</p> <p>6. Bolehkah pada seekor lembu itu diniatkan dengan berbagai tujuan seperti korban, akikah dan sebagainya?</p> <p>Jawapannya: Boleh.</p> <p>7. Jika kebetulan seseorang itu mendapat bayi yang belum diaqiqahkan, manakah yang lebih afdhal aqiqah atau korban?</p> <p>Jawapannya: Afdhal ia membuat korban, kerana aqiqah boleh dilakukan pada masa lain yang masih panjang. Namun ada fatwa yang mengatakan dalam masalah ini jika ia berniat untuk kedua-duanya sekali maka sah dan memadai.</p>	23
<p>Pendapat ini boleh dirujuk pada kitab Tuhfatul Muhtaj yang dikarang oleh As Sheikh Ibn hajar al-Haitami menyebutkan:</p> <p style="text-align: center;">"وَلَوْ نَوَى بِالشَّاةِ الْمَذْبُوحَةِ الْأُضْحِيَّةِ وَالْعَقِيْقَةِ حَصَلًا خِلَافًا لِمَنْ زَعَمَ خِلَافَهُ"</p>	24
<p><i>"Jika sesaorang itu berniat korban dan aqiqah (pada seekor kambing) maka berhasillah pahala kedua-duanya sekali, berbeza dengan pendapat yang menyalahinya"</i></p>	25

<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah ini marilah kita muhasabah diri dengan menitik beratkan beberapa perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam wajib akur terhadap apa saja yang diperintahkan Allah SWT dan Rasul SAW termasuk ibadah korban dengan ikhlas untuk mendapat keredhaan Allah SWT. 2. Umat Islam wajib mensyukuri nikmat yang Allah kurniakan dengan membantu dan prihatin terhadap saudara-saudara seagama yang kurang bernasib baik. 3. Umat Islam hendaklah sentiasa berazam untuk melaksanakan ibadah korban pada setiap tahun. 	26
<p style="text-align: center;"> أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَالِهَكْمُ إِلَهُهُ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ </p>	27
<p><i>“Setiap Umat kami tetap kepada mereka cara beribadah korban supaya mereka mengingati Allah yang telah mengurniakan kepada mereka binatang-binatang ternakan. Maka sesungguhnya tuhanmu adalah tuhan yang satu dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh”</i></p>	29
<p style="text-align: center;"> بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. </p>	30
<p style="text-align: center;"> أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ </p>	31

KHUTBAH KEDUA.30

32	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
33	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
34	<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
35	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
36	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
37	<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>
38	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
39	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
40	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>
41	<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ اإِنْبِالْسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَتِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	42
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	43
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan...</p>	44
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	45
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	46
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	47
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	48
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	49
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	50
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	51
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾</p>	52
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	53